

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 15 TAHUN 1977

KESULITAN BAGI TUAN-TUAN TANAH YANG BERKONGSI SELEPAS TANAH ITU DIAMBIL BALIK DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN BALIK TANAH TAHUN 1960

MMK kali yang ke 7/77 yang bersidang pada 17.3.1977 di bawah lain-lain perkara telah menyatakan bahwa sering timbul kesulitan dan kadangkala pergaduhan di antara tuan-tuan empunya tanah yang berkongsi (bersyarikat) terutama sekali di kampung-kampung apabila berlaku sesuatu perubahan kepada tanah-tanah yang berkenaan yang terlibat dengan pengambilan balik tanah dan sebagainya. Pergaduhan ini berlaku oleh kerana mereka-mereka yang berkongsi (bersyarikat) itu berdegil tidak mahu melepaskan kawasan-kawasan yang dimiliki mengikut pembahagian yang dibuat di peringkat mereka sedangkan mereka sebaliknya sanggup dan telah menerima pembayaran gantirugi mengikut pembahagian rasmi masing-masing. Sepatutnya apabila sebahagian daripada tanah yang bersyarikat ini diambil balik maka kedudukan pembahagian hendaklah turut diperbaiki sama supaya bersesuaian dengan jumlah keluasan tanah yang diambil balik itu.

2. Dalam soal yang dibangkitkan di atas MMK dalam sidangnya yang telah diadakan pada 4.8.1977 selepas menimbang Kertas Bil 15/701/77(11) telah membuat keputusan seperti berikut sebagai langkah yang sewajarnya supaya kesulitan yang timbul itu tidak berbangkit lagi.

- a. Semua tuan-tuan yang berkongsi hendaklah sentiasa digalakkan supaya memecah bahagian tanahnya dengan tujuan supaya dapat memilikinya secara berasingan mengikut pemerintahan masing-masing.

- b. Dalam satu-satu kes mengenai pengambilan balik tanah, jika tuan-tuan yang berkenaan bersetuju, maka pembahagian gantirugi eloklah didasarkan kepada keluasan tanah mengikut perintah masing-masing dengan syarat hendaklah diikuti dengan pindahan/pertolakkan resmi melalui Borang 14A supaya syernya selaras dengan perintahan masing-masing dan juga gantirugi yang mereka terima.
3. Adalah diharapkan semua PHT dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dari semasa ke semasa untuk mengelak kesulitan yang timbul sebagaimana yang dibangkitkan dalam perenggan satu di atas.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian
Kelantan

KEPADA:

Semua PHT dan Penolong-Penolong PHT, Kelantan
Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang

SALINAN KEPADA:

YB Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

YB Tuan Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pengarah LKTN Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU**

FAIL: PTG. (KN) BIL. 7060 S.J 3/(15)

